

CNS3810

R GB 15-11 00202 B.8780

Bah

PERTUNJUKAN LIMA '91 SATU KEJAYAAN, MAHATHIR

Ljma

LANGKAWI, 15 Nov (Bernama) -- Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LJMA '91) yang tamat hari ini adalah satu kejayaan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri, yang menjaditenaga penggerak bagi penganjuran pameran ulung seumpama itu di negara ini, berkata ia mendapat kejayaan lebih dari yang dijangkakan.

+Kita pada mulanya mahu menganjurkan satu pertunjukan kecil membabitkan jet swasta dan pesawat penumpang. Tetapi usaha-usaha yang dibuat oleh pihak penganjur mengadakan pameran dan mengandungi sebahagian besarnya pesawat tentera membantu menjayakan pertunjukan ini+, katanya kepada pemberita di tempat pameran udara di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini.

Katanya, menganjurkan pertunjukan sebesar itu di Malaysia adalah satu tugas yang mudah, tetapi kerajaan perlu memastikan ia berjaya bagi menguntungkan negara.

Perdana Menteri mendapati ada beberapa kelemahan seperti tempat penginapan semasa pertunjukan itu dan semua itu harus di jadikan pengajaran bagi memastikan pertunjukan LIMA pada masa depan lebih berjaya. t

Kira-kira 150 buah syarikat dan jen mereka dari 15, buah negara mengambil bahagian dalam pameran itu yang dirasmikan oleh Sultan Kedah pada 11 Nov. Pameran maritim di adakan di jeti Kuala, 20 km dari lapangan terbang. -- Lagi

♥15/11/20-49MST

CNS3811

R GB 15-11 00171 BB781

Bah

Lima 2 (akhir) Langkawi

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pameran itu berjaya kerana para peserta pameran yang datang dari syarikat-syarikat pertahanan antarabangsa dan yang berkaitan dengannya terpegun dengan perjalanan pertunjukan dan berjanji akan menghadiri pameran LIMA akan datang.

Bagaimanapun, beliau berkata masih ada ruang untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut dan satu post mortem akan dijalankan herhubung perjalanan pameran itu.

Sementara itu, Pengarah Urusan A.R. Format, penganjur bersama pameran itu, Encik Anthony Ramasamy berkata seramai 4,371 orang dari sektor perdagangan dan kira-kira 40,000 orang awam mengunjung pameran itu. Penganjur bersama A.R. Format ialah Le'Proton Metalworks.

Encik Ramasamy memberitahu pemberita di sini pertunjukan itu memakan belanja kira-kira \$12.5 juta termasuk \$5 juta sumbangan kerajaan.

Beliau berkata sesetengah masalah yang dihadapi semasa pameran itu akan di atasi pama LIMA akan datang.

Antara orang kenamaan yang mengunjung pameran itu ialah Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah, Sultan Hasannal Bolkiyah dari Brunei Darussalam dan Menteri Pertahanan, Australia Robert Ray. -- Bernama

♥15/11/20-50MST